dikatakannya berjumlah untuk bahagiannya sebanyak RM31,082.03 sen.

Seperti yang saya katakan terlebih dahulu tadi dari keadaan kes ini jelas bahawa si plaintif tidak bertindak dengan usaha wajar dan kerananya adalah tidak adil dan saksama untuk membenarkan tuntutannya oleh sebab kegagalannya untuk memberikan jawapan pasti sama ada menerima atau tidak tawaran bahagian syernya bernilai sebanyak RM30,222.30 sen atau RM15,000 bagi nilai satu syer telah menindakkan haknya untuk menuntut pada tarikh Pernyataan Tuntutannya bertarikh 6 Ogos 1990. Ini adalah sama seperti "waiver". Oleh hal yang demikian saya dengan ini penolak tuntutan si plaintif sejumlah RM31,682.03 terhadap si defendan. Berikutan dengan menolakan itu saya mengisytiharkan bahawa mulai 22 Jun 1990 si plaintif dianggap telah menarik diri daripada rakan kongsi defendan. Oleh itu saya memerintahkan bahawa syer plaintif sebanyak 3/22 syer dinilaikan sehingga 22 Jun 1990 menurut fasal 9 Perjanjian Perkongsian bertarikh 1 Julai 1972. Saya memerintahkan juga bahawa seorang penilai bebas yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak hendaklah dilantik untuk membuat nilaian yang betul dan saksama ke atas 3/22 syer plaintif itu dan kos bagi perlantikan itu hendaklah ditanggung oleh kedua-dua pihak mengikut jumlah syer yang dipegang oleh mereka dalam perkongsian itu. Kedua-dua pihak diberi kebebasan untuk memohon dan kos diberikan kepada defendan.

**RAJAN S/O NAGAMUTHU**

**lwn**

**KERAJAAN MALAYSIA**

MAHKAMAH TINGGI, SEREMBAN
DATO FAIZA TAMBY CHIK H.
[GUAMAN SIVIL NO. 21(22) - 255 - 1987]
10 OGOS 1993

***UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: Gantung kerja - Buang kerja - Perintah-perintah Am 34, 35, 36 Perintah perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D) 1980.***

Plaintif telah dilantik pada 15 Januari 1977 dan disahkan dalam jawatan pada 1 Februari 1978 oleh Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu.

Pada 12 September 1983, plaintif ditangkap oleh polis dan di tahan selama dua tahun. Pada 27 Mei 1985 defendan mengarah plaintif bertugas semula.

Plaintif telah dikenakan perintah sekatan di bawah seksyen 4A(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 selama satu tahun dari 9 November 1985 sehingga 8 November 1986.

Pada 12 September 1983 plaintif telah digantung kerja dibawah Perintah 34(2) Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab D 1980 dan dibuang kerja oleh Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu melalui surat-surat yang bertarikh 22 Mei 1986 dan 3 Julai 1986.

Yang menjadi isu ialah sama ada pembuangan kerja plaintif oleh defendan sah.

**Diputuskan:**

**[1]** Surat bertarikh 22 Mei 1986 - Pihak Berkuasa Tatatertib tidak boleh mengenakan hukuman 'gantung kerja' kerana tiada peruntukan sedemikian dalam Perintah Am 36.

**[2]** Surat bertarikh 3 Julai 1986 - Perintah tahanan dan perintah kediaman tersekat yang dikenakan ke atas plaintif adalah menurut tatacara Perintah 34 Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D) 1980 dimana plaintif hanya boleh dikenakan gantung kerja dan bukan buang kerja.

*[Penghakiman kepada plaintif].*

**Akta-akta yang dirujuk:**
Kanun Keseksaan, s. 326
Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969, ss. 3(1), 4A(1)
Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib), Perintah 34(2), 35
Perlembagaan Persekutuan, Perkara 135(2)(d)

*Bagi pihak plaintif - T/n. Mahadevi Ganeshmurugan & Co.*

*Bagi pihak Kerajaan Malaysia - Peguam Persekutuan*

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**Faiza Tamby Chik H:**
Perkara yang ditikaikan dalam kes ini adalah sama ada pembuangan kerja plaintif oleh defendan pada 12 September 1983 menurut undang-undang sah atau tidak.

Si plaintif telah menghujahkan bahawa pembuangan kerjanya itu adalah tidak menurut undang-undang dan tidak sah oleh kerana penggantungan kerjanya di bawah Perintah Am Bab D 35 (1) Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) adalah cacat, tak berkuatkuasa, batal dan tak berkesan dan lagi tidak menurut perinsip keadilan asasi *audi alteram partem*.

Si plaintif telah dilantik sebagai seorang Pelayan Pejabat dipejabat Kesihatan Daerah Jelebu oleh si defendan pada 15 Januari 1977 dan telah disahkan dalam jawatannya pada 1 Februari 1978. Pada 10 November 1981, si plaintif telah ditangkap polis dan pada 14 November 1981 beliau telah dikenakan dengan tuduhan di bawah s. 326 Kanun Keseksaan di Mahkamah Sesyen Seremban dan diberi jaminan. Pada 12 September 1983, polis telah menangkap si plaintif sekali lagi di bawah seksyen 3(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 dan ditahan selama dua tahun mulai 10 November 1985, di Pulau Jerjak, Pulau Pinang. Pada 7 Mei 1985 si plaintif telah dibebaskan dan dilepaskan daripada tuduhan di bawah s. 326 Kanun Keseksaan oleh Mahkamah Sesyen Seremban. Timbalan Pendakwa Raya telah memfailkan Notis Rayuan terhadap pembebasan dan perlepasan tersebut, akan tetapi Notis Rayuan tersebut telah ditarik balik pada 20 November 1985.

Pada 27 Mei 1985 si defendan telah mengarahkan si plaintif untuk melaporkan diri untuk bertugas semula dengan serta merta di Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu. Pada 9 November 1985 si plaintif telah dibebaskan daripada Perintah Tahanan di Pulau Jerjak, Pulau Pinang dan seterusnya beliau telah dikenakan Perintah Sekatan di bawah s. 4A(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 selama satu tahun mulai 9 November 1985 sehingga 8 November 1986 dan beliau dikehendaki tinggal di Kerling, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Mulai pada 12 September 1983, si plaintif telah digantung daripada jawatannya di bawah Perintah 34 (2) Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab D 1980 dan kemudian itu si plaintif telah dibuang kerja berkuatkuasa pada 12 September 1983, oleh Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam, Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu.

Siplaintif telah diberitahu bahawa beliau telah digantung kerja mulai 12 September 1983 (menerusi sekeping surat bertarikh 22 Mei 1986 (Barang kes P2 - Lampiran 23) yang berbunyi:

> Pejabat Kesihatan,
> Daerah Jelebu,
> Kuala Klawang,
> Negeri Sembilan. Tel. 788270
>
> Ruj. Tuan:
> Ruj. Kami: (53) dlm. PKJ /P(S) 101
> Tarikh: 22 Mei 1986
>
> SULIT
>
> Encik Rajan a/l Nagamuthu (No. K/P: 5938929)
> Pelayan Pejabat,
> Pejabat Kesihatan Jelebu,
> Jelebu.
>
> Melalui:
>
> Pegawai Kesihatan Jelebu,
> Jelebu,
> Negeri Sembilan.
>
> Tuan,
>
> GANTUNG KERJA ENCIK RAJAN A/L NAGAMUTHU - PELAYAN PEJABAT
>
> Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Tatatertib Jabatan Kesihatan Jelebu telah menerima lapuran daripada Ketua Jabatan bahawa tuan telah ditangkap oleh pihak polis pada 12 September 1983 di bawah s.3 (1) Ordinan Darurat 5/69 yang mana tuan didapati terlibat cergas dalam kegiatan Kongsi Gelap Melayu/India yang bergiat cergas di Seremban dan sekitarnya.

Oleh yang demikian, Lembaga Tatatertib yang telah bermesyuarat pada 21 Mei 1986 telah mengambil keputusan untuk memberi hukuman 'Gantung Kerja' kepada tuan mulai daripada tarikh 12 September 1983 dibawah P.A. Bab 'D' 1980 35(1) - Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab `D' 1980.

Disepanjang tempoh tuan di 'gantung kerja' tuan tidak boleh akan dibayar apa-apa jua bentuk emolumen sehingga diputuskan oleh Lembaga Tatatertib berkenaan.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,

t.t.
(Dr. Koh Choo Nea)
Pegerusi
Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam,
Kumpulan A,B, C dan D,
Pejabat Kesihatan Jelebu.

S.K.

Pengarah,
Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan,
Negeri Sembilan

Perintah Am 35, Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D) 1980 berbunyi:

35.(1) Kuasa Pihakberkuasa Tatatertib mengenai sabitan, tahanan dsb.

Walau apa pun peruntukan dalam Perintah Am 23, jika setelah menimbangkan laporan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh ketua Jabatan mengikut Perintah Am 33 atau 34(1), Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan berpendapat bahawa pegawai itu patut dibuang kerja atau diturunkan pangkat, maka ia boleh dengan serta-merta mengarahkan sewajarnya; atau jika ia berpendapat bahawa pegawai itu patut dikenakan hukuman yang lebih ringan atau diuruskan halnya dengan cara lain, Pihak Berkuasa Tatatertib boleh serta-merta mengenakan ke atas pegawai itu apa-apa hukuman yang lebih ringan, atau menguruskan hal pegawai itu mengikut apa-apa cara, sebagaimana yang difikirkannya patut.

Adalah jelas bahawa menurut Perintah Am 35 diatas Pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan hanya boleh mengenakan hukuman buang kerja atau hukuman turun pangkat atau pun sekiranya pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan berpendapat bahawa si plaintif patut dikenakan hukuman yang lebih ringan atau diuruskan halnya dengan cara lain, maka pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan bolehlah berbuat demikian. Akan tetapi pihak Berkuasa Tatatertib tidak boleh mengenakan hukuman 'Gantung Kerja' seperti yang tercatit dalam surat bertarikh 22 Mei 1986 tersebut di atas oleh kerana hukuman tatatertib yang boleh dijatuhkan olehnya adalah seperti yang terkandung dalam Perintah Am 36 iaitu:

(a) amaran;
(b) celaan;
(c) denda;
(d) lucut hak gaji;
(e) hentikan kenaikan gaji;
(f) tangguhkan kenaikan gaji;
(g) turun gaji;
(h) turun pangkat;
(i) buang kerja;

Si plaintif telah dimaklumkan bahawa beliau telah dibuang kerja mulai 12 September 1983 melalui sekeping surat bertarikh 3 Julai 1986 (Barang kes P2 - Lampiran 23) yang berbunyi:

Pejabat Kesihatan
Daerah Jelebu
Kuala Klawang
Negeri Sembilan Tel: 788270

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: (57) dlm. PKJ /P(S) 101
Tarikh: 3 Julai 1986

Encik Rajan a/l Nagamuthu (No. K/P: 5938929)
d/a Pegawai Penjaga,
Ibu Pejabat Polis Daerah,
Kuala Kubu Bahru,
44000 Selangor.

Melalui:

Pegawai Kesihatan Jelebu,
Jabatan Kesihatan Jelebu,
71600 Jelebu,
Negeri Sembilan.

Tuan,

Tindakan Tatatertib Encik Rajan a/l Nagamuthu- Pelayan Pejabat.

Lembaga Tatatertib di dalam Mesyuarat pada 26 Jun 1986, setelah menimbangkan dengan teliti pertuduhan/kesalahan ke atas tuan telah memutuskan bahawa tuan dikenakan hukuman `DI BUANG KERJA' mengikut P.A. Bab `D' 1980 34 (1) - Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab `D' 1980, mulai tarikh 12 September 1983.

Tuan juga tidak diberi peluang untuk mendengar mengenai perkara tersebut.

Sila tuan akui penerimaan surat ini dengan menandatangani Surat Akuan Terima yang disertakan dan kembalikan ke Jabatan tuan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

t.t.
(DR. K. KAMALASOTHY)
Pengerusi,
Lembaga Tatatertib Perkhimatan Awam,
Pejabat Kesihatan Jelebu,
Jelebu,
Negeri Sembilan.

Perintah Am 34 Perintah - Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab 'D' 1980, berbunyi:

34. Tatacara mengenai tahanan, buang negeri dsb.

(1) Jika telah dibuat sesuatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman tersekat, buang negeri atau deportasi terhadap seseorang pegawai atau jika telah ada sesuatu perintah yang mengenakan ke atas pegawai itu apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan sama ada dengan bon atau sebaliknya dibawah mana-mana undang-undang berhubung dengan keselamatan, Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman tersekat, buang negeri, imigresen atau perlindungan bagi wanita dan gadis. Ketua Jabatan hendaklah memohon satu salinan perintah itu daripada pihak berkuasa yang berkenaan, dan setelah menerimanya, hendaklah mengemukakan satu lapuran bersama-sama dengan butir-butir penuh mengenai rekod perkhidmatan pegawai itu yang lalu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan dan Ketua Jabatan hendaklah mengesyorkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib sama ada pegawai itu patut dibuang kerja, diturunkan pangkat atau diuruskan halnya dengan cara lain bergantung kepada setakat manakah ia telah menjatuhkan reputasi perkhidmatan.

(2) Setelah menerima laporan daripada Ketua Jabatan, Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan hendaklah serta-merta menggantung pegawai itu daripada menjalankan tugas-tugasnya.

Adalah jelas bahawa dalam kes seperti si plaintif di mana beliau telah dikenakan dengan perintah tahanan (bermula daripada 10 November 1983) dan perintah kediaman tersekat (bermula daripada 9 November 1985) menurut tatacara di bawah Perintah 34 "Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D) 1980". Pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan hanya boleh menggantung serta merta si plaintif daripada menjalankan tugas-tugasnya dan bukannya mengenakan hukuman "DI BUANG KERJA" seperti surat bertarikh 3 Julai 1986. (Barang Kes P2- Lampiran 23).

Sayugia diingat bahawa Perintah-Perintah Am 34 dan 35 di atas adalah peruntukan-peruntukan khas yang menyediakan tatacara dan kuasa tertentu bagi mengadili seseorang pegawai yang telah dikenakan perintah tahanan dan kediaman tersekat seperti si plaintif dan menghukumnya. Maka dengan itu adalah tanggungjawab pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan untuk mematuhi tatacara dan kuasa yang diberikan itu dengan ketat dan ta'at. Pematuhan ini menjadi lebih perlu dan penting lagi oleh kerana si plaintif telah dilucutkan haknya oleh undang-undang untuk diberi peluang yang menasabah untuk membuat penjelasan selaras dengan konsep keadilan asasi dibawah Perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan. Perkara 135(2)(d) tersebut memperuntukkan -

135.(2) Tiada seseorang anggota mana-mana perkhidmatan yang tersebut di atas itu boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat dengan tidak diberi peluang yang menasabah untuk didengar:

Dengan syarat bahawa fasal ini tidak boleh di pakai bagi kes-kes yang berikut -

(d) di mana sesuatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi telah dibuat ke atas seseorang anggota sesuatu perkhimatan itu atau di mana sesuatu bentuk sekatan atau selainnya telah dikenakan keatas seseorang anggota itu, di bawah mana-mana undang-undang berkaitan dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang-negeri, imigresen, atau perlindungan bagi wanita dan gadis.

Berdasarkan alasan di atas saya berpendapat dan memutuskan bahawa surat bertarikh 22 Mei 1986 yang menggantung kerja si plaintif dan surat bertarikh 3 Julai 1986 yang mengenakan hukuman buang kerja kepada si plaintif (Barang kes P2 - Lampiran 23) adalah

cacat, tidak berkuatkuasa, tak sah dan tidak mempunyai kesan apa-apa oleh kerana tidak mematuhi Bahagian III peruntukan-peruntukan khas Perintah-Perintah Am 34 dan 35.

Oleh kerana saya hanya memutuskan bahawa kedua-dua surat, masing-masing bertarikh 22 Mei 1986 dan 3 Julai 1986 adalah cacat, tak berkuatkuasa, tak sah dan tak mempunyai kesan apa-apa maka berkaitan dengan tuntutan si plaintif melalui Pernyataan Tuntutan bertarikh 20 Mei 1987 (Barang kes P1 - Lampiran 14) saya mengisytiharkan si plaintif masih bekerja lagi sebagai pelayan pejabat diPejabat Kesihatan Daerah Jelebu, iaitu tuntutan IV dan kos. Tuntutan-tuntutan lain dalam Pernyataan Tuntutan tersebut ditolak.